

B.H. 24 NOV 1992
**Kerja
berhasil**

(P) tida k
over sea trips
letih:

Dr M

DAKAR (Senegal), Isnin — “Memang **penat**, tetapi **saya** seronok melakukan **apa** yang **saya** buat,” kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai **lawatannya** ke **seberang** laut dalam usahanya **meningkatkan** kerjasama **Selatan-Selatan**.

Menurutnya, jika **lawatan** itu berjaya, rasa **penat** akan turut **hilang**.

“**Saya** rasa **penat** tetapi **saya** masih **muda** walaupun berusia 67 tahun,” **katanya**.

Beliau berkata, tidak **ada** rahsia untuk kuaf, **selain** daripada **keinginan** untuk bekerja kuat.

Dr Mahathir berkata walaupun letih apabila membuat lawatan ke luar negara tetapi tidak **keberatan** melakukannya **terutama** **bagi** kepentingan kerjasama **Selatan-Selatan**.

Perdana Menteri yang sudah melawat setiap **benua** di dunia, berkata jika lawatan ke luar negara itu mendatangkan hasil yang **dihajati**, **ia** akan **bermakna** dan menghilangkan **kepenatan**.

Seorang wartawan **bertanya** **Perdana** Menteri **sama** **ada** beliau **mempunyai** rahsia mengatasi **kepenatan** berjalan, **sedangkan** beberapa wartawan **Malaysia** yang membuat liputan lawatan beliau tidak **terikut** langkahnya.

Sambil ketawa **Dr Mahathir** berkata: “Tiada **sebarang** rahsia tetapi **anda** berasakan **ia** sesuatu yang **anda** suka lakukan. **Sebenarnya**, **saya** **juga** letih. “Tetapi jika lawatan itu **memberi** hasil, **saya** tidak

LIHAT MUKA 2

Dr Mahathir lawat Tunisia

DARI MUKA 1

B.H. 24 NOV 1992

akan berasa keletihan.”
Selain menghadiri Sidang Kemuncak G15 di sini, Perdana Menteri juga sibuk dengan mesyuarat dua hala dengan pemimpin yang hadir.

Sebelum ke sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak G15 negara-negara membangun, Dr Mahathir melakukan lawatan rasmi lima hari ke Namibia.

Sejurus tiba dari lawa-

tan ke Afrika Selatan itu, Dr Mahathir terus menghadiri mesyuarat dengan pegawai kementerian luar sebelum menghadiri sidang kemuncak di samping pertemuan dengan ketua-ketua negara G15.

Dr Mahathir akan berlepas ke Tunisia selepas Sidang Kemuncak G15 untuk meneruskan sirilawatannya ke Benua Afrika.

Ditanya sama ada be-

liau akan mengadakan lawatan lagi sebelum akhir tahun, beliau menjawab: “Tidak. Cukuplah. Selepas Tunisia saya akan pulang.”

Katanya, beliau suka paling lama melawat sesuatu negara selama tiga hari. Tetapi, kerana sebab-sebab tertentu, kadangkala sesuatu lawatan itu mengambil masa hingga lima hari seperti lawatannya ke Namibia.

“Saya hendak balik. Kerja banyak di tanah-air.... selepas ini kerja bertimbun,” katanya.

Tahun ini sahaja, Perdana Menteri melawat Indonesia, Ireland, Singapura, Tokyo dan Hong Kong.

Di Sidang Kemuncak G15, beliau menjadi salah seorang pemimpin yang dikagumi dan sentiasa menjadi buruan wartawan.